



SAMBUTAN HARI PEMBERSIHAN SEDUNIA 2020



Pada 19 September 2020, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Sambutan Hari Pembersihan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2020 di Perkarangan Surau Al-Hijrah Jalan Gelam, Kampung Pendas Baru, Mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor.

Pada tahun ini sejumlah 45 lokasi di tujuh (7) negeri yang menerima pakai Akta 672 (Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) telah menyambut Hari Pembersihan Sedunia 2020 yang turut dikenali *World Cleanup Day 2020*.

Sambutan hari istimewa ini dianjurkan selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera selain memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Program ini juga sebagai tanda sokongan Malaysia kepada dunia yang menyasarkan penglibatan sebanyak 5 peratus daripada populasi dunia.



Dalam ucapan perasmian, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail menyatakan bahawa "bermula hari ini, saya mohon semua orang memikirkan sampah adalah

perniagaan. Jadi, kita cadangkan SWCorp dan pihak konsesi serta PBT untuk uruskan yang terbaik dan tukarkan sampah kepada duit".

Dalam program ini, aktiviti pembersihan melibatkan seramai 474 orang yang terdiri daripada sukarelawan dan masyarakat tempatan. Hasil aktiviti pembersihan ini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 909 kg sampah di kawasan sekitar Kg. Pendas baru. Walaupun ramai terlibat dengan aktiviti pembersihan ini, amalan norma baharu dan pematuhan SOP tetap didahulukan.

Sambutan Hari Pembersihan Sedunia ini merupakan sebuah program membersihkan kawasan tertentu secara global dengan erti kata lain pada hari ini hampir seluruh penduduk di dunia akan keluar bersama-sama untuk membersihkan kawasan mereka.